

# Sarawak ada sistem pantas kesan bencana alam

**KUCHING:** Sarawak akan mempunyai sistem tindak balas pantas bagi mengenal pasti dan menangani jangkaan bencana alam menerusi projek Pemegang Kepentingan Mempertingkatkan Teknologi bagi Menyokong Pembangunan Bandar Mampan Sensitif Risiko (TRANSCEND).

Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, sistem berkenaan, data yang dikumpulkan boleh memberi gambaran apa bencana yang akan berlaku pada masa depan termasuk banjir atau tempat-tempat yang mungkin berlaku banjir.

“Apabila ada data tersebut, kerajaan dapat memberi respons bagaimana untuk mencari dan membuat penyelesaian di kawasan-kawasan terbabit.

“Ini disebut sebagai pendekatan untuk kita mengurangkan risiko daripada apa yang berlaku di satu-satu tempat,” katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran TRANSCEND Sarawak 2022 di Kampung Digital Tegas, di sini baru-baru ini.

Menurut Abang Johari, projek Transcend melibatkan kerjasama antara Universiti Salford, Manchester, United Kingdom dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan Lembaga Multimedia Sarawak (SMA) yang akan menggunakan platform digital untuk mengumpul data yang sangat mustahak dari sudut perancangan kerajaan.

“Mereka telah bekerja begitu keras untuk mendapatkan data yang boleh mengurangkan kesan daripada musibah yang berlaku,” katanya.